

**Soalan-Soalan Lazim untuk Pelanggan PKS (termasuk Perusahaan Mikro)  
Bagi Program Bantuan Pembayaran PEMULIH HLB / HLISB ("HLB / HLISB PRAP")**

No.	Soalan	Jawapan
1.	Lanjutan dari pengumuman Pakej PEMULIH, siapa yang layak untuk memohon PEMULIH HLB / HLISB PRAP?	<p>Sejajar dengan Pakej PEMULIH yang diumumkan pada 28 Jun 2021, Perusahaan Mikro dan PKS (sebagaimana didefinisikan dalam Garis Panduan SME Corporation Malaysia) yang telah terjejas akibat COVID-19, layak memohon bantuan PEMULIH HLB / HLISB PRAP.</p> <p>Bantuan tersebut boleh diberi kepada kemudahan kredit yang telah diluluskan sebelum 1 Julai 2021 (dalam mata wang Ringgit Malaysia atau mata wang asing) dan tiada tunggakan pembayaran (tidak tertunggak melebihi 90 hari) pada tarikh permohonan.</p> <p>Permohonan untuk bantuan ini bermula pada 7 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021.</p>
2.	Apakah jenis pelan bantuan kewangan yang tersedia untuk PKS termasuk Perusahaan Mikro di bawah PEMULIH HLB / HLISB PRAP?	<p>Berikut adalah bantuan yang boleh dipilih:</p> <p><b>Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Berjangka-i (termasuk Pinjaman Tunai Perniagaan, Sewa Beli Perindustrian / Sewa Beli Perindustrian-i serta Pembiayaan yang dijamin oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") / Kerajaan)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Moratorium (Penangguhan) pembayaran/pembiayaan selama 6-bulan; ATAU</li> <li>• Pengurangan ansuran 50% selama 6-bulan</li> </ul> <p><b>Overdraft / Cashline-i</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Moratorium 6 bulan pada pembayaran yang perlu dibayar (termasuk pengurangan had berjadual); ATAU</li> <li>• 50% pengurangan pada pembayaran yang perlu dibayar selama 6 bulan (termasuk pengurangan had berjadual)</li> </ul> <p><b>Kredit Pusingan (RC) / Kredit Pusingan-i (RC-i) – Bagi RC yang diambil pada atau sebelum 30 Jun 2021</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Moratorium 6 bulan pada pembayaran yang perlu dibayar (termasuk pengurangan had berjadual); ATAU</li> <li>• 50% pengurangan pada pembayaran yang perlu dibayar selama 6 bulan (termasuk pengurangan had berjadual)</li> </ul> <p><b>Pinjaman Perdagangan / Pembiayaan Perdagangan-i – Bagi Bil yang diambil pada atau sebelum 30 Jun 2021</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Moratorium 6 bulan pada pembayaran yang perlu dibayar (termasuk pengurangan had berjadual); ATAU</li> <li>• 50% pengurangan pada pembayaran yang perlu dibayar selama 6 bulan (termasuk pengurangan had berjadual)</li> </ul> <p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk RC, pembayaran yang ditangguhkan akan ditambahkan ke baki tertunggak anda setelah tempoh moratorium matang. Pengurangan had berjadual akan</li> </ul>

No.	Soalan	Jawapan
		<p>bersambung semula pada interval seterusnya setelah tempoh moratorium matang.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk Pinjaman Perdagangan / Pembiayaan Perdagangan-i, pihak Bank mungkin menggunakan produk perdagangan yang berbeza untuk melanjutkan / penangguhan moratorium.</li> <li>• Untuk pinjaman / pembiayaan yang dijamin oleh BNM / Kerajaan, ansuran akan dikemaskini dan tarikh matang tidak akan berubah. Sekiranya anda ingin mengekalkan ansuran semasa dan melanjutkan tempoh pinjaman / pembiayaan, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda.</li> <li>• Untuk Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Jangka-i dan Sewa-Beli Perindustrian / Sewa Beli Perindustrian-i, ansuran tidak akan berubah dan tarikh matang / tempoh Pinjaman / pembiayaan akan dilanjutkan untuk menampung moratorium.</li> </ul>
3.	Adakah faedah kompaun dikenakan sekiranya saya memohon penangguhan ansuran selama 6 bulan?	<p>Harap maklum bahawa faedah / keuntungan akan terus bertambah di atas jumlah yang tertangguh untuk bantuan pembayaran selama 6 bulan. Walau bagaimanapun, faedah tidak akan dikompaun selama tempoh penangguhan 6 bulan tersebut.</p> <p>Untuk pembiayaan Islam, keuntungan tidak akan dikompaun selama dan selepas tempoh penangguhan 6 bulan.</p>
4.	Bagaimana saya boleh memohon untuk HLB / HLISB PRAP?	<p>Anda boleh memohon pelan yang sesuai dengan keadaan semasa anda melalui saluran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Hubungi Pengurus Perhubungan anda</li> <li>b) Laman web kami: <a href="http://www.hlb.com.my/relief/">http://www.hlb.com.my/relief/</a></li> <li>c) HLB Customer Collections: 603-79591888 (Isnin-Khamis, 8.45 pagi-5.45 petang, Jumaat 8.45 pagi - 4.45 petang)</li> <li>d) Pusat Perhubungan HLB: 603-7626 8899 (Isnin-Sabtu 9.00 pagi - 6.00 petang - Hanya untuk Bantuan Pembayaran)</li> <li>e) E-mel: <a href="mailto:paymentrelief@hlbb.hongleong.com.my">paymentrelief@hlbb.hongleong.com.my</a></li> <li>f) Mana-mana cawangan berdekatan</li> </ol>
5.	Adakah saya perlu memberi dokumen sokongan semasa membuat permohonan bantuan?	<p>Dokumen sokongan tidak perlu diserahkan pada saat permohonan. Pengisyiharan kendiri oleh pelanggan menyatakan bahawa perniagaan mereka telah terjejas oleh wabak ini adalah memadai.</p> <p>Pihak Bank boleh meminta dokumen sokongan di kemudian hari untuk tujuan pengesahan. Pihak Bank berhak untuk membatalkan tawaran sekiranya pelanggan memberi maklumat yang tidak benar berkenaan kelayakan mereka.</p>
6.	Saya telah memohon penangguhan ansuran selama 3 bulan / pengurangan 50% ansuran selama 6-bulan baru-baru ini.	<p>Ya, anda boleh memohon PEMULIH HLB / HLISB PRAP yang terkini.</p> <p>Untuk memohon, sila rujuk No. 4. Harap maklum bahawa PEMULIH HLB / HLISB PRAP terbaru ini akan menggantikan</p>

No.	Soalan	Jawapan
	Bolehkah saya memohon bantuan baru ini?	pelan semasa anda dan anda akan diberitahu dengan sewajarnya.
7.	Pinjaman / pembiayaan saya tertunggak satu bulan pembayaran / pembayaran balik. Bolehkah saya memohon moratorium selama 6 bulan dan berkuat kuasa dari bulan yang sama dengan saya memohon? Apa yang akan terjadi kepada pembayaran / pembayaran balik tertunggak selama satu bulan tersebut?	Ya. Anda masih boleh memohon PRAP dan ianya akan berkuat kuasa dalam bulan yang sama.  Sekiranya anda telah membuat pembayaran / pembayaran balik dan membuat permohonan bantuan pada bulan Julai 2021, anda boleh menghubungi kami untuk mengembalikan bayaran ansuran yang telah dibayar atau PEMULIH HLB / HLISB PRAP akan berkuatkuasa pada bulan berikutnya (contoh,Ogos 2021)
8.	Ansuran saya harus dijelaskan pada 1 Julai 2021 dan saya belum membuat pembayaran kerana saya ingin memohon PEMULIH HLB / HLISB PRAP. Adakah terdapat caj / penalti pembayaran lewat?	Tiada caj / penalti pembayaran lewat akan dikenakan untuk bulan Julai 2021 jika anda telah mengajukan permohonan untuk PEMULIH HLB / HLISB PRAP.  Pembayaran / penalti pembayaran lewat tidak akan dikenakan ke akaun semasa berada di bawah PEMULIH HLB / HLISB PRAP.  Sebagai tambahan, untuk memudahkan pelanggan memohon PEMULIH HLB / HLISB PRAP semasa dalam tempoh MCO, sebarang caj pembayaran lewat untuk bulan tersebut dalam tempoh ini akan dibalikkan pada bulan berikutnya.
9.	Bagaimana saya tahu bahawa permohonan saya sedang disemak oleh pihak Bank?	Anda akan dihubungi oleh Pengurus Perhubungan anda dalam 2 hari kalender (tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum) dari tarikh permohonan anda.  Sekiranya terdapat kelewatan dalam permohonan, Pengurus Perhubungan anda akan mengemas kini status permohonan anda dalam 14 hari kalender (tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum) dari tarikh permohonan anda.
10.	Bila bantuan ini akan bermula?	Bantuan ini akan disediakan untuk ansuran yang perlu dibayar pada bulan Julai 2021 dan seterusnya. Untuk permohonan yang dibuat selepas bulan Julai 2021, bantuan akan bermula dari ansuran anda yang berikutnya dari tarikh permohonan.
11.	Bagaimana pelan bantuan pembayaran ini akan mempengaruhi pelaporan CCRIS saya?	Bagi Pinjaman / pembiayaan yang telah diluluskan untuk PEMULIH HLB / HLISB PRAP, akaun tersebut tidak akan dilaporkan sebagai Penstrukturran dan Penjadualan Semula (R&R) dalam laporan CCRIS
12.	Adakah pihak Bank mempunyai pelan alternatif, jika saya tidak layak untuk memohon PEMULIH HLB / HLISB PRAP?	Kami memahami kebimbangan anda dan kami prihatin dan sedia membantu dengan pelan bantuan yang bersesuaian dengan keperluan kewangan anda.  Selain daripada PEMULIH HLB / HLISB PRAP, kami mempunyai pelan pembayaran/pembiayaan lain yang sesuai untuk setiap situasi pelanggan. Sila hubungi Pengurus Perhubungan anda

No.	Soalan	Jawapan
		<p>dan kami akan menilai keadaan kewangan, kemampuan dan status akaun anda supaya kami boleh memberi bantuan pembayaran yang sesuai dengan anda dan keperluan perniagaan anda.</p> <p>Sekiranya kami tidak dapat membantu, atau anda memerlukan penilaian bebas mengenai situasi kewangan anda, anda boleh menghubungi mana-mana agensi yang memberi khidmat nasihat kewangan untuk PKS dan / atau Korporat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Khidmat Nasihat Pembiayaan (KNP) Untuk pertanyaan, sila hubungi 603-7880 0088 atau layari <a href="http://www.myknp.com.my">www.myknp.com.my</a></li> <li>b) Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil (JPPK / SDRC) di AKPK Untuk pertanyaan, sila hubungi 03-2616 7766</li> <li>c) Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC). Untuk pertanyaan sila hubungi 603 -2265 0878 atau layari <a href="http://www.cdrc.my">www.cdrc.my</a></li> </ul>
13.	Bolehkah saya memohon PEMULIH HLB / HLISB PRAP jika saya tidak mempunyai masalah kewangan / keadaan kewangan saya tidak terjejas?	Ya, tetapi sekiranya keadaan kewangan anda tidak terjejas dan membolehkan anda menyambung pembayaran, anda tidak dinasihatkan untuk memohon <b>PEMULIH HLB/HLISB PRAP</b> bagi mengelakkan berlakunya penambahan kos pembiayaan
14.	Adakah saya perlu menandatangani / melaksanakan sebarang perjanjian / dokumen untuk PEMULIH HLB / HLISB PRAP?	Bergantung kepada jenis bantuan pembayaran yang dipilih, Pengurus Perhubungan anda akan menyediakan Surat Pemberitahuan untuk memaklumkan anda atau Surat Tawaran Tambahan yang perlu ditandatangani. .
15.	Adakah terdapat kos pemprosesan jika saya mendaftar untuk PEMULIH HLB / HLISB PRAP?	Tiada kos pemprosesan akan dikenakan. .
16.	Adakah terdapat penalti / faedah / caj pampasan yang dikenakan ke atas pinjaman / pembiayaan saya sekiranya saya gagal membuat bayaran selepas menyertai PEMULIH HLB / HLISB PRAP?	<p>Ya, akaun pinjaman / pembiayaan anda akan dikenakan caj penalti / faedah / caj pampasan sekiranya anda ingkar diatas PEMULIH HLB / HLISB PRAP. Sila rujuk pada terma dan syarat di dalam Surat Tawaran Asal berkaitan dengan caj penalti sekiranya berlaku keingkaran di atas amaun ansuran baharu yang dipersetujui.</p> <p>Oleh itu, anda disarankan untuk memastikan pembayaran bulanan tepat pada waktunya bagi akaun pinjaman / pembiayaan di bawah Penstrukturran dan Penjadualan Semula PEMULIH HLB / HLISB PRAP.</p>

No.	Soalan	Jawapan
17.	Bolehkah saya menarik diri dari PEMULIH HLB / HLISB PRAP ini sekiranya status kewangan saya pulih?	<p>Ya, anda boleh memilih untuk menarik diri daripada PEMULIH HLB / HLISB PRAP sekiranya status kewangan anda pulih.</p> <p>Sila maklumkan kepada kami dengan segera jika anda boleh memulakan semula pembayaran ansuran bulanan asal anda dan kami akan membuat pengaturan yang diperlukan.</p>
18.	Adakah faedah / keuntungan akan dikenakan pada jumlah yang ditangguhkan?	<p>Ya, faedah akan dikenakan pada jumlah yang ditangguhkan.</p> <p>Untuk pembiayaan Islam, keuntungan hanya dikenakan keatas jumlah prinsipal yang ditangguhkan. Keuntungan tidak akan dikompaun semasa dan selepas tempoh penangguhan 6 bulan.</p>
19.	Adakah terdapat had masa untuk permohonan bantuan?	<p>Semua permohonan untuk bantuan the <b>PEMULIH HLB/HLISB PRAP</b> akan dipertimbangkan oleh pihak Bank selagi bisness anda terkesan oleh COVID-19 dan anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran.</p> <p>Walau bagaimanapun, anda digalakkan untuk menghubungi kami secepat mungkin jika merasa anda mungkin memerlukan bantuan berkaitan pembayaran ansuran bulanan pinjaman / pembiayaan anda</p>